

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 1
RUANGAN : MUKA HADAPAN

EKSKLUSIF HM

SPRM TUMPAS SINDIKET JUAL BAYI

4 KLINIK DISERBU

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) berjaya memberkas 4 doktor pakar, 2 pegawai Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) serta 7 orang tengah selain orang awam yang disyaki berkomplot dengan sindiket jual beli bayi. Dalam operasi serentak semalam, 4 klinik dan pusat perubatan swasta diserbu sepasukan pegawai SPRM Kuala Lumpur, Selangor dan Negeri Sembilan. Semua yang ditahan disyaki bersubahat dengan menyediakan dokumen palsu bagi membolehkan beratus bayi tak sah taraf atau bayi pendatang haram didaftarkan kelahiran mereka. Laporan Mohd Jamilul Anbia Md Denin dan Mohd Haris Fadli Mohd Fadli

Metronews
PAKEJ BELI BAYI

MAKLUMAT BAYI

RU	MA	WAKTU KELAHIRAN	UKURAN PANJANG
7356	20/6/1998	2.38 PM	52 CM

14/19

MS283

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 2
RUANGAN : LOKAL

Tipu dokumen kelahiran demi wang

Kuala Lumpur: Kombinasi pengkhianatan besar pada negara dan penipuan tidak masuk akal.

Itu antara kerja 'kotor' segelintir doktor klinik swasta yang sanggup mengeluarkan dokumen Borang Pengesahan Kelahiran walaupun premis masing-masing tidak memiliki kemudahan wad atau katil khas untuk wanita bersalin.

Demi wang, segelintir golongan doktor tidak berteika ini dikesan menipu kononnya menyambut kelahiran bayi di klinik milik mereka sedangkan 'kejadian' itu tidak pernah berlaku.

Mereka kemudian dikesan menjual dokumen pengesahan kelahiran termasuk buku rawatan mengandung atau kad rawatan semasa ibu mengandung kepada sindiket ju-

al bayi yang memerlukan dokumen penting itu bagi tujuan memperoleh siji kelahiran dan MyKid sah Jabatan Pendaftaran Negara (JPN).

Hasil operasi dilakukan pegawai Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sejak beberapa bulan lalu mendapati wujud penemuan aneh apabila seorang kanak-kanak lelaki berusia 12 tahun memiliki wajah dan fizikal amat berbeza berbanding ahli keluarga lain.

Melalui maklumat disalurkan JPN, SPRM bertindak melakukan siasatan dan mengesyaki kanak-kanak itu bukan anak kandung pasangan terbabit.

"Hasil risikan mendapati seorang ahli keluarga terdekat pasangan itu adalah suspek utama yang sebelum ini menguruskan 'jual beli' kanak-kanak terbabit ketika masih bayi.

"Melalui maklumat diserahkan JPN, pihak SPRM berusaha menjejaki klinik swasta di Lembah Klang yang didakwa lokasi kanak-kanak itu dilahirkan sebelum ini.

"Anehnya rekod kemasukan dan ke-



SYARAT MEMOHON SIJIL KELAHIRAN DAN MYKID DI JABATAN PENDAFTARAN NEGARA (JPN)

- ✓ Borang Daftar Kelahiran JPN.LM01 yang lengkap diisi.
- ✓ Borang Pengesahan Kelahiran daripada hospital atau Surat Pengesahan Doktor bagi kelahiran di rumah (asal);
- ✓ Laporan Polis bagi kelahiran di rumah (asal);
- ✓ Kad Pranatal (Buku Rawatan Mengandung) atau Kad Rawatan Semasa Ibu Mengandung (asal dan salinan);
- ✓ Kad pengenalan (Mykad) atau dokumen pengenalan diri ibu dan bapa (asal dan salinan)
- ✓ Kad Pengenalan atau dokumen pengenalan diri pemaklum (jika pemaklum bukan ibu atau bapa kanak-kanak)
- ✓ Surat akuan AM80 sekiranya tiada buku rawatan mengandung atau kad rawatan mengandung

INFOGRAFIK Metro

lahiran kanak-kanak itu mendapati 'ghaib' dan tiada di klinik swasta itu," katanya.

Menurutnya, ini membuktikan pihak klinik menyedari kesalahan dilakukan serta cuba menyembunyikan bukti utama.

"Kes seumpama ini semakin membimbangkan apabila kian ramai kanak-kanak yang hadir ke pejabat JPN untuk urusan menukar Mykid kepada MyKad memiliki raut wajah amat berbeza berbanding ibu bapa.

"Kebiasaannya JPN yang ragu-ragu terhadap status kanak-kanak ini akan menahan sementara kelulusan Mykad serta membuka kertas siasatan bagi siasatan lanjut," katanya.

Bagaimanapun, kepakaran SPRM ditagih bagi membantu siasatan JPN, sekali gus membolehkan isu ini dibongkar.

“Seorang ahli keluarga terdekat pasangan itu adalah suspek utama SPRM”



Wujud juga runner (orang tengah) atau individu yang menyamar sebagai ibu bapa kandung bayi terbabit bagi urusan pendaftaran bayi itu di pejabat JPN.

Segelintir pegawai JPN bertugas di kaunter permohonan turut disyaki bersubhat memudahkan urusan mendapatkan Sijil Kelahiran Sah dan MyKid tulen berkenaan.

Sukar untuk menentukan kesahihan identiti bayi terbabit berikutan bayi itu tidak dibawa ke pejabat JPN ketika proses permohonan Sijil Kelahiran dan MyKid.



PEGAUAI SPRM menyiasat dokumen dan data kelahiran di sebuah klinik di Lembah Klang yang disyaki memalsukan borang pengesahan kelahiran.

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 3
RUANGAN : LOKAL

KOMPLOT JAHAT DOKTOR PAKAR

SPRM tahan 13 individu disyaki terbabit sindiket jual bayi

Oleh Mohd Jamilul Anbia
Md Denin dan Mohd Haris
Fadli Mohd Fadli
am@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Tindakan pantas diambil apabila seramat empat doktor pakar sekitar Lembah Klang diberkas sepasukan pegawai Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) kerana disyaki berkomplot dengan sindiket jual bayi.

Dalam operasi serentak dilakukan jam 10 pagi semalam, sebanyak empat klinik dan pusat perubatan swasta diserbu sepasukan pegawai SPRM Kuala Lumpur, Selangor dan Negeri Sembilan.

Semua mereka disyaki bersebab dengan menyediakan dokumen palsu bagi membolehkan beratus bayi tak sah taraf atau bayi pendatang haram didaftarkan di Jabatan Pendaftaran Negara (JPN).

Tindakan itu, sekali gus membolehkan bayi tidak sah taraf ini memperolehi Sijil Kelahiran dan MyKid sah dikeluarkan JPN.

Serbutan besar-besaran itu turut membabitkan penahanan dua pegawai JPN dan tujuh orang awam yang disyaki ada kaitan dengan pengeluaran dokumen penting itu secara salah.

Tujuh orang awam ditahan membabitkan pemohon dokumen kelahiran di JPN selain runner (orang tengah) yang menawarkan khidmat kepada orang ramai.


Jurucakap SPRM berkata, tindakan dilakukan itu susulan pendedahan Harian Metro berkaitan kewujudan sindiket yang menawarkan pakej menjual bayi lengkap dengan Sijil Kelahiran JPN dan MyKid tulen kepada pihak yang sanggup membayar harga tinggi.

Menurutnya, kejayaan operasi ini turut membabitkan kerjasama pihak JPN yang menyalurkan maklumat sehingga kegiatan itu dapat dibenteras.

"Pihak JPN turut berkongsi hasil risikan dalaman dilakukan bagi membolehkan pihak SPRM menyiasat pihak bertanggungjawab memperdaya JPN serta terbabit menjual bayi secara haram," katanya.



ANTARA dokumen kelahiran bayi kebanyakannya membabitkan warga India, Myanmar dan Bangladesh dikesan pegawai SPRM.



Wartawan Harian Metro menyertai salah satu serbuan bersama pegawai SPRM pagi semalam ketika menyerbu kediaman seorang doktor pakar di Cheras di sini.

Bagaimanapun, doktor lelaki berusia 60-an itu didapati 'hilang' walaupun semua kereta mewahnya berada di rumah.

Isterinya yang disoal siasat mendakwa suami keluar pada awal pagi menaiki teksi tanpa diketahui tujuan.

Susulan itu, pegawai SPRM melakukan siasatan terhadap klinik milik doktor itu di Ampang, Selangor bagi mengumpulkan bukti dan dokumen berkaitan.

Bagaimanapun, pegawai SPRM mengesyaki sesuatu yang tidak kena apabila fail dokumen bukti kelahiran diperlukan didapati hilang. Malah, semakin mendapati klinik berkenaan menyimpan data pesakit mereka secara manual berbanding menggunakan kemudahan komputer.

Doktor klinik itu yang diburu akhirnya 'menyerah diri' sekitar jam 12 tengah hari sebelum disoal siasat pegawai SPRM.

Doktor terbabit bagaimanapun memberi pelbagai alasan termasuk mendakwa ada individu menyamar sebagai dirinya, selain menyalahkan doktor lain yang berkhidmat di klinik miliknya.

Berikutan itu, semua 13 individu membabitkan doktor, pegawai JPN dan orang awam yang ditahan dibawa ke Ibu Pejabat SPRM Kuala Lumpur untuk soal siasat.

Sementara itu, Pengarah Bahagian Perisikan Ibu Pejabat SPRM; Putrajaya, Datuk Azmi Kamaruzaman yang dihubungi mengesahkan operasi dan tangkapan dilakukan pihaknya semalam.

Harian Metro secara eksklusif semalam mendedahkan kegiatan 'menjual' kewarganegaraan Malaysia yang dikesan mula aktif dilakukan sejak lebih 8 tahun lalu.

Sumber berkata, kegiatan jenayah terancang itu kian sukar dikesan susulan pembabitkan kakitangan klinik dan doktor swasta bersekolong membantu sindiket atau individu tertentu yang memerlukan dokumen penting berkenaan.

Menurutnya, kegiatan te-

MODUS OPERANDI SINDIKET 'JUAL BABY' BABITKAN DOKTOR SWASTA

- 1 Wanita warga asing melahirkan bayi di klinik atau bayi tak sah taraf terus dibawa penjaga ke klinik swasta tanpa sebarang dokumen.
- 2 Pihak klinik akan menyediakan dokumen pengesahan kelahiran seolah-olah bayi itu lahir di klinik berkenaan.
- 3 Bayaran dikenakan bagi borang pengesahan kelahiran dan Kad Pranatal (Buku Rawatan Mengandung) atau Kad Rawatan Semasa Ibu Mengandung (asal dan salinan).
- 4 Pihak klinik akan merekodkan maklumat berkaitan bayi itu seolah-olah bayi itu lahir di klinik swasta berkenaan.
- 5 Penjaga atau 'orang tengah' akan membawa dokumen dibeli itu ke Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) untuk memohon sijil kelahiran dan MyKid.
- 6 Bayi tak sah taraf itu akan memperolehi sijil kelahiran sah JPN sama ada berwarna hijau untuk warganegara Malaysia atau warna merah untuk bukan warganegara.
- 7 Bayi itu kemudian diserahkan atau dijual kepada individu berminat beserta dokumen JPN diperolehi.



rancang itu dikenal pasti melibatkan pembabitkan beberapa pihak antaranya pembantu atau jururawat pusat perubatan swasta, doktor, 'orang tengah' dan segelintir kakitangan JPN di Lembah Klang.

Kebiasaannya bagi membolehkan seseorang bayi baru lahir didaftarkan dalam sistem pendaftaran negara JPN bagi memperolehi Sijil Kelahiran dan MyKid sah, ibu bapa perlu membawa borang pengesahan kelahiran daripada hospital atau surat pengesahan doktor.

Selain itu, pemohon perlu membawa bersama Kad Pranatal (Buku Rawatan Mengandung) atau Kad Rawatan Semasa Ibu Mengandung (asal dan salinan) selain dokumen pengenalan diri ibu dan bapa ke pejabat JPN.

Semua dokumen wajib itu bagaimanapun boleh dipalsukan dan disediakan sindiket melalui komplot didalangi jururawat, pembantu perubatan dan doktor di klinik swasta.

Berdasarkan risikan diperolehi SPRM, doktor di beberapa klinik swasta menawarkan khidmat mengeluarkan dokumen palsu diperlukan ini dengan mengenakan kadar bayaran tertentu mencecah ribuan ringgit.

Doktor swasta ini akan menyediakan dokumen palsu membabitkan borang pengesahan kelahiran serta menyediakan kad rawatan semasa ibu mengandung menggunakan maklumat 'tipu' seolah-olah bayi terbabit dilahirkan di pusat perubatan berkenaan.

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 8
RUANG : LOKAL

Kes Covid-19 turun 9.9%

Pu **ra** **jaya**: Jumlah kes Covid-19 menurun 9.9 peratus kepada 5,801 kes pada Minggu Epidemiologi ke-21 (ME 21/2023) iaitu bagi tempoh 21 hingga 27 Mei, berbanding 6,439 kes yang dilaporkan pada minggu sebelumnya.

Menteri Kesihatan Dr Zaliha Mustafa berkata, kadar masuk pesakit Covid-19 termasuk yang disyaki dijangkiti, kefasiliti kesihatan awam menurun daripada 5.8 kepada 5.3 bagi setiap 100,000 penduduk pada ME 21/2023 berbanding ME 20/2023 iaitu bagi tempoh 14 hingga 20 Mei.

Beliau dalam kenyataan semalam berkata, peratus pengisian katil unit rawatan rapi (ICU) dan peratus pengisian katil bukan kritikal Covid-19 masing-masing menurun empat peratus pada ME 21/2023 berbanding minggu sebelumnya.

Pada ME 21/2023, sebanyak 113 varian baharu dilaporkan yang terdiri daripada 87 kes varian membimbangkan (VOC) dan 26 varian yang perlu mendapat

perhatian (VOI) dan kesemuanya ialah varian Omicron," katanya.

Sehingga kini, beliau berkata jumlah kumulatif bagi kes XBB.1.16 (Arcturus) dan sublineages adalah 50 kes yang semua adalah kes tempatan.

Dr Zaliha berkata, setakat 27 Mei lalu, hanya 50 peratus atau 16,335,353 penduduk Malaysia menerima

“
Sehingga kini,
keadaan jangkitan
Covid-19
di Malaysia
masih terkawal
Dr Zaliha

dos penggalak pertama dan 2.5 peratus atau 823,317 sahaja mendapat dos penggalak kedua.

“Risiko kematian ke hospital dan keterukan gejala boleh dikurangkan dengan pengambilan dos penggalak. Sehingga kini, keadaan jangkitan Covid-19 di Malaysia masih terkawal dan perkhidmatan kesihatan di hospital tidak terjejas,” katanya.

Mengenai situasi cuaca panas di Malaysia, Dr Zaliha berkata, tiada kes kematian baharu akibat strok haba dilaporkan pada ME 21/2023, yang menjadikan bilangan kumulatif kes kematian akibat strok haba kekal satu kes sahaja iaitu dilaporkan pada 25 April lalu.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 5
RUANGAN : NEGARA

Mereka percaya kandungan cecair vape adalah buah-buahan asli, bukan nikotin

Kanak-kanak jadi mangsa vape

Oleh NUR ALWANI ZAFIRAH
KHAIRUL

PETALING JAYA – Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) mendedahkan sebilangan besar kanak-kanak mengaku menghisap vape atau rokok elektronik (e-rokok) disebabkan percaya tentang kandungan cecair di dalamnya adalah buah-buahan asli dan bukannya nikotin.

Pegawai Pendidikan CAP dan aktivis, S.V. Subbarow berkata, pihaknya telah menemui bual lebih 1,000 kanak-kanak dan hasilnya mereka mendakwa perbuatan menghisap vape bukan satu kesalahan kerana rasa vape hanya seperti makan gula-gula.

"Saya sendiri juga telah berbual dengan lebih daripada 1,000 kanak-kanak yang sudah menghisap vape dan mereka percaya perisa yang dihisap adalah perisa buah-buahan. Mereka juga sebenarnya tidak tahu mengenai nikotin."

"Kanak-kanak ini tak anggap perkara itu salah sebab sama macam mereka makan gula-gula, sebab itu ramai kanak-kanak semakin tertarik mencuba menghisap vape disebabkan rasa dan baunya yang dianggap 'mesra kanak-kanak'," katanya ketika dihubungi *Kosmo!* semalam.

Selain itu, Subbarow mendakwa kebanyakan kanak-kanak yang menghisap vape yang diambil daripada bapa atau abang mereka sendiri.

Hasil soal selidik yang



SUBBAROW menunjukkan vape perisa buah-buahan di pejabat CAP, Pulau Pinang baru-baru ini.

BARISAN vape pelbagai bentuk dan perisa yang mudah menarik minat kanak-kanak untuk mencuba. – GAMBAR HIASAN

dijalankan CAP sebelum ini, kanak-kanak berusia sembilan hingga 12 tahun mengakui bahawa mereka mencuba vape bapa semasa ia ditinggalkan di rumah atau di dalam kereta.

"Kanak-kanak ini sebenarnya bukan perokok atau penghisap vape tegar seperti kebanyakan remaja atau golongan dewasa lain, tetapi mereka ini sering curi-curi menghisap vape-kepunyaan abang atau bapa," jelasnya.

Bagaimanapun, Subbarow turut mendedahkan ada kanak-

kanak yang sanggup berkongsi wang dengan rakan-rakan untuk membeli vape sendiri terutamanya yang dijual ditepi jalan.

"Sekarang ada kedai di tepi jalan yang menjual vape canggih pada harga yang murah. Penjual menerangkan kepada mereka bahawa vape hanya berperisa buah-buahan asli dan tidak mengandungi bahan-bahan terlarang lain. Percaya kepada dakwaan tersebut, kanak-kanak mula membeli sendiri."

"Vape dijual di tepi jalan pada harga serendah RM10 hingga RM15 sahaja, kadang-kadang kanak-kanak ini berkongsi duit dengan kawan untuk beli satu vape."

"Dahulu kedai tepi jalan ini mereka jual gula-gula kepada kanak-kanak, tetapi sekarang mereka lebih canggih menjual vape yang menjadi perosak kepada kanak-kanak," katanya.

Dalam pada itu, Subbarow melihat jumlah penglibatan kanak-kanak dalam penggunaan vape termasuk mengandungi nikotin amat membimbangkan.

"Setiap tahun jumlah kanak-kanak terlibat dengan penggunaan vape semakin meningkat kerana ia sudah menjadi barang istimewa dalam kalangan kanak-kanak ini."

"Mungkin sekarang jumlahnya sudah mencecah ribuan orang dan CAP percaya jika tindakan tidak ambil dengan segera, angka pengambilan vape dan e-rokok dalam kalangan kanak-kanak akan naik tiga kali ganda," ujarnya.

Kanak-kanak hisap vape, telan nikotin boleh diserang sawan

PETALING JAYA – Pusat Racun Negara (PRN) Universiti Sains Malaysia (USM), Pulau Pinang melaporkan kes keracunan vape atau rokok elektronik (e-rokok) terutamanya melibatkan kanak-kanak berumur di bawah lima tahun sejak 2019 telah meningkat dengan ketara sehingga ke hari ini.

Ketua Farmasinya, Sulastri Samsudin berkata, bagi tahun 2023, terdapat lapan kes pendedahan vape dilaporkan sehingga Mei lalu melibatkan kanak-kanak dan paling muda adalah bayi lapan bulan.

Beliau percaya banyak lagi kes yang tidak dilaporkan dan tidak semua diserahkan di bawah pemerhatian pihaknya (PRN).

Tambah beliau, antara kesan teruk yang bakal dihadapi kanak-kanak apabila mereka terdedah kepada vape dan nikotin adalah berlakunya sawan dan gejala kesihatan lain seperti sesak nafas, muntah serta cirit-birit.

"Kalau teruk, gejala yang dihadapi mangsa boleh berlarutan lebih dari tiga hari. Mereka ini majoritinya telah terminum cecair isian semula vape yang diletakkan di tempat yang mudah dicapai di dalam rumah," katanya ketika dihubungi *Kosmo!* semalam.

Sulastri mengingatkan ibu bapa atau penjaga untuk segera bawa anak ke hospital untuk rawatan sekiranya mendapati anak-anak anda tertelan cecair

vape ini. Jangan cuba merawat secara sendiri kerana takut akan memberi kesan yang lebih teruk," pesannya.

Orang ramai boleh mendapatkan maklumat dan nasihat kercunan daripada PRN menerusi talian **04-653 6999**.

"PRN juga menyediakan perkhidmatan ujian saringan nikotin dalam vape."

"Orang ramai boleh menghantar cecair vape ke PRNLAB untuk ujian saringan bagi tujuan penyelidikan, pelabelan produk dan rekod serta makluman individu."

Sebarang maklumat tentang perkhidmatan tersebut, orang ramai boleh melayari Facebook PRNLAB Pusat Racun Negara.



VAPE akan memberi kesan sampingan dan menjejaskan tahap kesihatan kanak-kanak sekali gus pembelajaran mereka. – GAMBAR HIASAN

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 16
RUANGAN : SUARA SINAR

Pindah pesakit guna tangga tak patut berlaku



ANALISIS
MUKA 16

NOR FARHANA
YAACOB

Insiden kerosakan lif di bangunan kesihatan seperti yang tular berlaku di Hospital Melaka hingga terpaksa memindahkan pesakit memerlukan bantuan pernafasan menggunakan tangga tidak sepatutnya berlaku.

Insiden tersebut bukan sahaja memalukan tetapi menakutkan kerana lif tersebut amat penting kepada orang ramai terutama pesakit. Difahamkan ada di antara lif di hospital itu tidak berfungsi dan rosak berbulan-bulan lamanya.

Meskipun Exco Kesihatan, Sumber Manusia dan Perpaduan Melaka, Ngwe Hee Sem mengakui insiden itu di luar jangkaan tetapi sebenarnya telah beberapa kali kejadian lif rosak dan menyebabkan ramai yang terperangkap.

Sepatutnya individu berkepentingan dan berjawatan tinggi di kementerian membuat lawatan mengejut di hospital berkenaan bagi mengetahui masalah yang berlaku di peringkat akar umbi.

Ia penting kerana melibatkan nyawa rakyat. Tidak semua berkemampuan mengambil insurans dan mendapatkan rawatan di hospital swasta yang lebih selesa.

Sungguh kasihan kerana kemudahan lif itu bukan sahaja digunakan oleh pesakit dan pengunjug, malah kakitangan hospital.

Bayangkan bila lif rosak, ada antara kakitangan yang terpaksa membawa barang-barang berat ke

tingkat atas dengan menaiki tangga. Sudah tiba masanya menteri di bawah Kerajaan Madani, selalu-selalulah buat pemeriksaan.

Bukan nak tuding jari kepada sesiapa tetapi ia salah satu cara untuk kenal pasti masalah, baiki dan tambah baik kelemahan-kelemahan yang ada dalam perkhidmatan demi keselesaan rakyat.

Penulis percaya jika usaha itu dapat dilakukan, bukan sahaja masalah Hospital Melaka dapat diberikan perhatian malah turut melibatkan premis kesihatan di negeri lain.

Turun dan lihatlah apa yang perlu diperbaiki, semak kerosakan yang ada dan cari penyelesaian agar perkhidmatan yang ada benar-benar dimanfaatkan untuk rakyat.

Janganlah tunggu ditularkan baru mahu bertindak dan turun padang. Ubahlah persepsi negatif segelintir orang ramai terhadap hospital kerajaan.

Rakyat wajar dan berhak mendapat perkhidmatan kesihatan yang terbaik. Tiada siapa sebenarnya yang mahu dimasukkan hospital kecuali mereka yang benar-benar memerlukan rawatan.

Tubuh yang sihat adalah kunci kepada kenikmatan dalam menjalani kehidupan seharian. Tanpa nikmat itu, segala nikmat lain tidak begitu bermakna.

Walaupun Melaka mempunyai tiga buah hospital kerajaan dengan jumlah penduduk kira-kira sejuta, namun jarak antara kawasan yang dekat membuatkan penduduk lebih memilih untuk mendapatkan rawatan di Hospital Melaka berbanding Hospital Alor Gajah dan Hospital Jasin.

Bagaimanapun, kedudukan Hospital Melaka di tengah-tengah pembangunan yang pesat di sekelilingnya telah menyebabkan ke-

sesakan berganda dari sebelumnya.

Maka, rakyat pun berkeluh-kesah dengan kesulitan tersebut seolah-olah tiada penghujung.

Itu belum ditambah dengan kesesakan yang di bahagian wad bersalin dan juga kecemasan yang perlu diambil peduli.

Malah sebelum ini pelbagai janji pernah ditabur termasuk penambahan ruang parkir, bas shuttle ke Hospital Melaka dan pembinaan hospital baharu di daerah Melaka Tengah tetapi sehingga kini semuanya masih 'tergantung sepi'.

Apatah lagi, negara menyaksikan beberapa kali perubahan tampuk pemerintahan yang sudah pasti sedikit sebanyak menjejaskan perancangan tersebut.

Diharap Menteri Kesihatan, Dr Zaliha Mustafa dapat meneruskan lawatan-lawatan mengejut seperti yang beliau lakukan di Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Selangor pada tahun lalu untuk melihat sendiri pengurusan kesihatan.

Penulis yakin bukan sahaja hospital Melaka yang perlu ditambah baik, malah banyak lagi hospital kerajaan lain berdepan isu kritikal terutama pada waktu puncak.

Lagipun bajet yang diumumkan untuk KKM tahun lalu bukan sedikit.

Justeru, ia harus dimanfaatkan agar rakyat tidak terus mempertikalkan ke manakah peruntukan tersebut disalurkan.

Kita tidak minta insiden-insiden yang tak sepatutnya di hospital kerajaan berlaku tetapi adalah lebih baik jika ia dapat dielakkan menerusi pemantauan yang dilaksanakan secara berterusan sama ada bagi mencari penyelesaian jangka pendek atau panjang.

*Nor Farhana Yaacob ialah
Wartawan Sinar Harian Melaka

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 5
RUANGAN : DALAM NEGERI

Pesakit buah pinggang meningkat

KUALA LUMPUR: Kerajaan mengunjurkan jumlah pesakit buah pinggang tahap akhir (ESRD) yang menjalani rawatan dialisis akan mencecah lebih daripada 100,000 pesakit pada 2040.

Menteri Kesihatan, Dr. Zaliha Mustafa berkata, setiap tahun jumlah pesakit yang menjalani rawatan dialisis meningkat dan kerajaan sedang melaksana perluasan rawatan Dialisis Peritoneal (PD) sebagai rawatan dialisis utama bagi pesakit kegagalan buah pinggang tahap akhir di negara ini.

"Rawatan PD ini akan menjadi kaedah rawatan utama berbanding hemodialisis dalam hala tuju pengurusan pesakit kegagalan buah pinggang tahap akhir pada masa hadapan.

"Kaedah ini dapat dilakukan di rumah oleh pesakit sendiri dan memberi kelebihan kepada mereka termasuk dari segi pen-

jimatan masa dan pengurangan kos berulang-alik ke fasiliti dialisis.

"Selain itu, untuk mengatasi masalah kekurangan mesin dialisis dengan peningkatan pesakit, setiap hospital Kementerian Kesihatan yang dibina baharu akan turut dilengkapi dengan kemudahan unit dialisis.

"Ini dapat meningkatkan kapasiti rawatan hemodialisis dengan purata pertambahan minimum sebanyak 40 sehingga 60 pesakit bergantung dengan peruntukan kewangan, bilangan kakitangan dan syif rawatan," katanya dalam jawapan bertulis di sidang Dewan Rakyat semalam.

April lalu, *Utusan Malaysia* melaporkan, jumlah mesin dialisis di negara ini tidak mencukupi bagi menampung keperluan pesakit kronik buah pinggang yang jumlahnya semakin bertambah setiap tahun.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 31
RUANGAN : DALAM NEGERI

Kekalkan caj RM1 klinik kerajaan

Oleh SALEHUDIN MAT RASAD
utusannews@mediamulia.com.my

MARAN: Kerajaan perlu mengekalkan caj RM1 yang dikenakan klinik kesihatan kerajaan kepada pesakit selaras dengan konsep tanggungjawab sosial korporat (CSR) kepada rakyat khususnya golongan berpendapatan rendah.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, pesara guru, Abdul Latif Umar, 62, berkata, sepatutnya mana-mana pihak tidak membangkitkan isu caj RM1 ini walaupun tidak munasabah daripada logik akal kerana ia merupakan hadiah kepada rakyat negara ini.

"Sebenarnya caj RM1 itu merupakan penghargaan kerajaan kepada rakyat membabitkan semua golongan khususnya yang berpendapatan rendah mendapat rawatan terbaik."

"Saya harap caj yang tidak masuk akal ini tidak dipolemikkan kerana bukan semua rakyat berduit dan berkemampuan," katanya di sini.

Jumaat lalu, ketika bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Yang Dipertua Persatuan Kesihatan Ikram Malaysia (Ikram Health), Dr. Mohd. Afiq Mohd. Nor berkata, caj RM1 yang dikenakan klinik kesihatan kerajaan wajar dinaikkan kepada RM5 hingga RM20 kerana ia sedia ada disifatkan tidak masuk akal terutama ketika nilai kos rawatan semakin meningkat.

Mohd. Afiq berkata, caj RM1 itu tidak menggambarkan nilai kos rawatan sebenar mahupun kerja kakitangan Kementerian yang sudah *overwork* dengan tugas harian mereka.

Seorang pesara tentera, Sharip Mat Resad, 70, berkata, saranan menaikkan caj RM1 itu tidak kena masanya ketika rakyat terbelenggu dengan pelbagai kenaikan harga barangan dan perkhidmatan.

Menurutnya, rakyat marhaen akan ke hospital atau klinik kerajaan untuk mendapatkan rawatan berkualiti berbanding klinik swasta yang mengenakan 'caj kayangan' yang tidak mampu dibayar golongan berpendapatan rendah.

Bagi Baharuddin Taib, 50,



Sebenarnya caj RM1 itu merupakan penghargaan kerajaan kepada rakyat membabitkan semua golongan khususnya yang berpendapatan rendah mendapat rawatan terbaik."

ABDUL LATIF UMAR

pekerja perladangan Felda dari Bera mengakui caj RM1 yang dikenakan memang tidak masuk akal tetapi itulah keunikan Malaysia di mata dunia apabila kerajaan menjaga aspek kesihatan rakyat.

"Jika mendapat rawatan sakit ringan seperti demam di klinik swasta caj biasanya sekitar RM70 ke RM100 termasuk ubat-ubatan amat tinggi bagi rakyat marhaen," katanya.

Pesara komando, Mohd. Ayob Shahri, 60, menolak cadangan menaikkan caj RM1 itu kerana masih ramai orang kampung seperti petani, nelayan dan warga emas tidak mampu menanggung isu kenaikan kos sara hidup dan rawatan pada ketika ini.

"Pada masa sama kerajaan perlu juga memantau kenaikan kos rawatan di klinik swasta dan harga ubat-ubatan yang membebankan rakyat berpendapatan rendah," katanya.

Seorang penerokawati dari Felda Lembah Klau, Maznah Yaakob, 65, berharap cadangan pembaharuan dalam sistem perbelanjaan pembiayaan kesihatan menerusi Kertas Putih Kesihatan yang akan dibentangkan Kementerian Kesihatan pada sidang Dewan Rakyat akan dapat mengekalkan caj RM1 ini demi rakyat dan negara.

"Jika dinaikkan caj ini di klinik kerajaan, ia akan menambah tekanan rakyat miskin dan asnaf," katanya.

AKHBAR : THE STAR
MUKA SURAT : 8
RUANGAN : NATION

Pharmaniaga up to the task

PN17 status will not affect distribution of meds, says Zaliha

PHARMANIAGA Bhd's Practice Note 17 (PN17) status does not affect its logistics arm's service in distributing medicines to Health Ministry (MOH) facilities, says Dr Zaliha Mustafa.

In a written reply to Tan Hong Pin (PH-Bakri) dated June 6, Dr Zaliha said her ministry was made to understand that the PN17 status was due to accounting streamlining carried out according to the Malaysian Financial Reporting Standards (MFRS) and the practices of good governance.

"The PN17 status is due to the allocation of the Covid-19 vaccine, which was a slow-moving stock."

"Nevertheless, the Health Ministry understands the PN17 status does not affect the operations of its subsidiary Pharmaniaga Logistics Sdn Bhd (PLSB) in conducting logistics activities and distributing medi-

cines to MOH facilities nationwide.

"On top of that, Pharmaniaga Bhd is owned directly and indirectly by the Armed Forces Fund Board which is under the Defence Ministry," she added.

PLSB, she said, had experience in the supply and logistics of medical products that was on par with international logistics companies such as DKSH and Zuellig Pharma.

Dr Zaliha also said PLSB had successfully built logistics networks comprising bumiputra and other local entrepreneurs. The company also has the logistics capacity for cold chain products.

She added that PLSB had given an "excellent" performance and fulfilled the obligations in its concession agreement with the government, including hitting the key performance indicator (KPI) of over 98% by fulfilling orders

within Peninsular Malaysia in seven days and 10 days for Sabah and Sarawak.

She said the government had agreed with the proposal to give PLSB a fresh 10-year Medicines Supplies Logistics Service concession, given the company's performance.

Under the concession, the company will manage the logistics and supply network for medicines to MOH facilities.

She said MOH facilities would not have to store an ample supply of medicines as they would be able to source the needed supply within seven to 10 days.

She also said this required the concessionaire to have a strong financial footing to ensure there was no disruption in supply.

Tan had asked whether the ministry was ready to end Pharmaniaga's monopoly on

medicines given its PN17 status and having reported a net loss of RM664.39mil in the fourth quarter that ended Dec 31, 2022.

Pharmaniaga was admitted to the PN17 category on Bursa Malaysia on Feb 27.

In a filing with the stock exchange, the pharmaceutical company said it had triggered the PN17 criteria pursuant to its audited consolidated financial statements for the period ending Dec 31, 2022.

For its first quarter ended March 31, 2023, Pharmaniaga's net profit dipped to RM2.65mil from RM27.73mil in the corresponding quarter last year.

Revenue declined by 8.5% to RM880.45mil from RM962.17mil previously, mainly due to lower customer demand in both the concession and Indonesia segments.